

Langkah- kawal inflasi

31-9 DEC 1992

Jangan boros: PM

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan rakyat supaya jangan boros dalam keadaan mewah kerana ia mempunyai kesan kepada diri sendiri dan negara.

"Kita harus memperingati diri kita, walaupun keadaan sekarang ini baik tetapi kita harus menitikberatkan perkara yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita," katanya dalam Rancangan 'Bersama Perdana Menteri' yang disiarkan menerusi Rangkaian Pertama RTM, malam ini.

"Umpamanya, kita berpendapat kita sudah ada banyak wang, maka kita boleh membeli apa saja. Import apa saja barang kerana kita mempunyai wang yang banyak.

"Itu dengan sendirinya akan menjejaskan pertukaran asing kita.

"Banyak wang kita akan mengalir ke luar negara. Sebab itu kita harus bendung sedikit kemahuan kita. Walaupun mudah, walaupun mampu, kita harus berhati-hati dalam perbelanjaan kita, baik kerajaan, baik rakyat. Kerajaan saja tidak mencukupi. Rakyat sendirilah berjaga-jaga supaya tidak boros dalam keadaan mewah," kata Perdana Menteri.

Ahli panel dalam perbincangan yang tertumpu kepada soal ekonomi ialah Pengarang Kumpulan Berita Publishing, Ahmad Rejal Arbee, Ketua Pengarang Sin Chew Jit Poh, C C Liew dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, A Nazri Abdullah. Rancangan itu dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran, Datuk Jaafar Kamin.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai fungsi wang 'yang perlu diketahui oleh setiap rakyat malah meminta mereka menukar 'mentaliti' supaya faham mengenai kegunaan wang sebagai modal, seterusnya membantu ekonomi negara.

Menurutnya, ramai yang memandang wang sebagai satu kemudahan kerana ia adalah modal dan boleh meningkatkan kekayaan.

"Kadang-kadang sese-

engah masyarakat tidak faham peranan wang sebagai modal, cuma faham peranan wang sebagai alat untuk pertukaran barang.

"Ramai yang berkata kita harus simpan wang. Adalah baik kalau kita simpan atau tabungkan wang. Tetapi wang yang ditabungkan tidak mendatangkan kebaikan melainkan wang itu dilabur dalam sesuatu usaha yang boleh meningkatkan produktiviti dan 'menambah wang di segi keuntungan,' katanya.

"Jadi, walaupun kita desak supaya kita tabungkan wang kita, kita simpan wang kita, tetapi wang itu mestilah disimpan dengan cara ia boleh diguna untuk sesuatu yang produktif, iaitu dilabur dalam sesuatu perusahaannya, perniagaan dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, kita hendaklah menyimpan wang itu supaya ia menjadi modal perniagaan kerana lebih cepat wang itu bertukar tangan, lebih baik lagi ekonomi sesebuah negara.

Sebagai contoh, beliau menjelaskan, jika RM1 dibelanjakan pada sebelah pagi untuk membeli ikan, orang yang menjual ikan itu akan mendapat keuntungan. Apabila dia pula membeli ikan dan barang lain, orang lain pula mendapat keuntungan dan orang yang mendapat keuntungan itu juga berbelanja untuk rumahnya atau untuk membeli sesuatu atau bekalan bahan yang hendak dijual. Dengan itu, wang berkenaan bertukar tangan.

"Tiap kali ia bertukar tangan, bererti ada orang yang berbelanja dan ada orang yang menerima. Jadi, rakyat mesti faham konsep ini," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan jika berbelanja untuk membeli barang luar negara, wang mengalir ke luar negara.

"Sekali yang boleh, kita bendunglah pengaliran ini," tegasnya.

Dr Mahathir juga menolak anggapan bahawa kerajaan hanya perlu menaikkan faedah bank untuk menjadikan ekonomi negara bertambah baik.